

## **Penawaran kursus kenegaraan Malaysia dari perspektif pelantar anak watan: kesedaran kolektif dalam pembangunan kurikulum**

### **ABSTRAK**

Penawaran kursus kenegaraan Malaysia ghalibnya dikaitkan dengan kursus teras atau wajib yang diperkenalkan sama ada di peringkat sijil, diploma atau ijazah pertama. Kursus ini diperkenalkan bagi memastikan agar warga pelajar dapat dipupuk nilai patriotisme dan nasionalisme dengan harapan menjadi warganegara yang baik lagi bertanggungjawab kepada ibu pertiwi. Penawaran kursus tersebut dilakukan untuk memastikan bahawa terdapatnya kesinambungan subjek sejarah yang dipelajari di alam persekolahan dengan di peringkat pengajian tinggi. Justeru, kertas kerja ini membincangkan penawaran kursus kenegaraan dalam konteks Pelantar Anak Watan. Konsep Pelantar Anak Watan diketengahkan atas kesedaran bahawa tunjang yang memayungi negara ini adalah orang Melayu dan bumiputera sepertimana yang termaktub dalam perlumbagaan Malaysia. Metodologi kajian dilakukan berdasarkan kaedah kualitatif, yakni analisis dokumentasi berasaskan sumber, di samping pemerhatian dan pengalaman penulis dalam pengajaran kursus kenegaraan tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa dalam pembangunan kurikulum kursus kenegaraan perlu diberikan keutamaan elemen yang terdapat dalam konsep pelantar anak watan agar setiap pelajar dapat menghayatinya bagi memastikan kelestarian negara bangsa Malaysia yang aman dan sejahtera.